



Kementerian Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat

## PELAN STRATEGIK KPWKM 2013-2017



Dikemaskini sehingga 24 Januari 2014

**KANDUNGAN**

<b>1.</b>	<b>SEKAPUR SIREH</b>	<b>2</b>
	<b>YB MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT</b>	
<b>2.</b>	<b>KATA ALU-ALUAN</b>	<b>3</b>
	<b>KETUA SETIAUSAHA</b>	
	<b>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT</b>	
<b>3.</b>	<b>RINGKASAN EKSEKUTIF</b>	<b>4</b>
<b>4.</b>	<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
	(a) Latar Belakang	9
	(b) Carta Organisasi	11
	(c) Fungsi Dan Peranan	12
	(d) Punca Kuasa	13
	(e) <i>Stakeholders</i> Dan Pelanggan	15
<b>5.</b>	<b>BAB 2: ANALISA PERSEKITARAN DAN CABARAN SEMASA</b>	<b>18</b>
<b>6.</b>	<b>BAB 3: HALA TUJU STRATEGIK</b>	
	(a) Visi	21
	(b) Misi	21
	(c) Moto Kementerian	21
	(d) Nilai Bersama	22
	(e) Teras Strategik	23
<b>7.</b>	<b>BAB 4: PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN</b>	
	(a) Elemen Penentu Kejayaan	59
	(b) Mekanisme Pelaksanaan	61
	(c) Kaedah Pemantauan Pelaksanaan	62
	(d) Pemantauan Dan Pengukuran Prestasi	63
	(e) Penilaian Dan Semakan Semula	63
	(f) <i>The Way Forward</i>	64
<b>8.</b>	<b>BAB 5: PENUTUP</b>	
	Penutup	67



**SEKAPUR SIREH  
YB MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat menghasilkan Pelan Strategik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) 2013-2017.

Sesungguhnya penghasilan Pelan Strategik KPWKM bagi tempoh 5 tahun ini merupakan satu komitmen jitu oleh kerajaan melalui KPWKM dan semua agensi di bawahnya terhadap kesejahteraan kumpulan sasaran iaitu wanita, keluarga, kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya (OKU), orang papa, komuniti dan mereka yang memerlukan. Inisiatif ini juga membuktikan bahawa tiada golongan dalam masyarakat yang dipinggirkan oleh kerajaan dalam usaha mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh warga KPWKM dan agensi di bawahnya serta Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri yang telah bekerjasama erat untuk menghasilkan Pelan Strategik KPWKM yang baharu ini.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

**DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM**

**KATA ALU-ALUAN KETUA SETIAUSAHA,  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)**



Assalamualaikum W.B.T. dan Salam 1Malaysia,

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya Pelan Strategik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) 2013 - 2017 dapat dihasilkan dengan jayanya.

Pelan Strategik ini merupakan sumber rujukan utama yang menetapkan hala tuju KPWKM dalam tempoh 5 tahun akan datang dan menggariskan rangka tindakan strategik untuk pelaksanaan dasar, perancangan program serta pembangunan KPWKM. Pelan strategik ini digubal berlandaskan hasrat kerajaan untuk memperkasakan wanita, mengukuhkan institusi keluarga dan mengupayakan masyarakat. Selain itu, perancangan strategi dan inisiatif dalam pelan ini telah diteliti secara terperinci bagi memastikan pelaksanaannya terus relevan dengan persekitaran semasa dan kehendak pelanggan/*stakeholders*.

Adalah menjadi harapan saya agar Pelan Strategik ini dapat memberi panduan yang jelas dan terperinci kepada warga KPWKM untuk terus memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan. Akhir kata, saya mengucapkan sekalung penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang idea, tenaga dan masa untuk menghasilkan Pelan Strategik KPWKM 2013 - 2017.

Sekian, terima kasih.

**DATO' SRI DR. NOORUL AINUR MOHD. NUR**



## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bagi tahun 2013 – 2017 adalah kesinambungan daripada pelan strategik sebelumnya yang digubal untuk tahun 2008 – 2012. Menyedari kepentingan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih efisien, pelan strategik ini akan memberi tumpuan kepada pelaksanaan perancangan yang lebih inklusif dan saksama melalui pendekatan inovasi sosial dan kebajikan produktif.

Penggubalan pelan strategik ini telah mengambil kira pandangan pegawai dan kakitangan di peringkat kementerian dan semua agensi di bawahnya melalui Bengkel Pelan Strategik KPWKM 2013-2017 yang telah diadakan pada 10 hingga 12 Disember 2012. Penggubalan pelan strategik secara dasarnya mendukung misi dan visi kerajaan seperti mana yang termaktub dalam Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi dan Rancangan Malaysia Ke-10. Semasa penggubalan pelan ini, cabaran-cabaran sedia ada serta mendatang telah diambil kira seperti evolusi teknologi maklumat dan komunikasi yang memerlukan kompetensi personel, pengintegrasian data yang lebih komprehensif, jaringan kerjasama strategik yang lebih berkesan serta langkah berimpak besar dalam meningkatkan kesedaran dan keprihatinan masyarakat.

Perancangan inisiatif adalah berdasarkan kepada teras strategik yang baru. Teras strategik ini memberi penekanan kepada usaha untuk meningkatkan kemandirian kumpulan sasaran untuk terus aktif dan produktif sama ada di peringkat tempatan atau antarabangsa. Dalam masa yang sama, sasaran bagi meningkatkan keupayaan dan kapasiti warga KPWKM juga tidak dipinggirkan bagi menjamin peningkatan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kementerian.

Terdapat sebanyak 7 teras strategik yang telah digariskan iaitu:

- i. memperkasa wanita bagi meningkatkan sumbangan wanita dalam sosioekonomi;

- ii. memperkukuh institusi keluarga bagi menghadapi cabaran kehidupan moden;
- iii. menjamin keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak ke arah pembentukan negara bangsa gemilang;
- iv. menyokong warga emas supaya terus berperanan aktif, produktif dan positif dalam masyarakat;
- v. mengintegrasikan orang kurang upaya ke dalam masyarakat bagi meningkatkan kemandirian;
- vi. memperkasakan peranan komuniti dalam program pembangunan masyarakat bagi merapatkan jurang sosioekonomi;
- vii. meningkatkan *visibility* komitmen Malaysia di peringkat antarabangsa; dan
- viii. memperkasakan keupayaan dan kapasiti warga KPWK bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kementerian.

Bagi memastikan hasil pelaksanaan seperti yang dirancang, elemen khusus pemantauan pelaksanaan yang berterusan akan dilaksanakan. Antara strategi terpenting adalah dengan memastikan setiap bahagian dan jabatan membangunkan sasaran kerja tahunan yang selaras dengan kandungan pelan strategik ini.

Dalam memastikan program yang dirancang berjalan dengan sempurna, elemen kepimpinan berwawasan, peruntukan kewangan yang mencukupi, modal insan yang kompeten, serta kolaborasi bersama rakan strategik dan disokong oleh pengupayaan dan pemerksaan teknologi dan maklumat telah ditetapkan sebagai asas utama untuk melaksanakan agenda yang terkandung dalam pelan ini.

Selain itu, status pelaksanaan akan dinilai, dipantau dan dibuat semakan semula bagi mengenal pasti pencapaian sasaran program. Sehubungan itu, satu jawatankuasa pengurusan strategik KPWKM yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPWKM akan bersidang setiap setahun sekali bagi memantau dan menilai pelaporan pelaksanaan yang akan dibentangkan oleh kementerian dan agensi di bawahnya.





# **BAB 1: PENGENALAN**

## **BAB 1: PENGENALAN**

### **Latar Belakang**

Penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) lebih daripada sedekad yang lalu dilihat memberi impak kepada aspek pembangunan sosial di Malaysia. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi memastikan tahap ekonomi dan kehidupan yang lebih baik kepada masyarakat sama ada secara individu dan keluarga.

Sejarah KPWKM dimulai dengan pengumuman oleh YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri pada ketika itu mengenai penubuhan Kementerian Hal Ehwal Wanita pada 13 Januari 2001. Ia adalah selaras dengan manifestasi pelaksanaan iltizam negara yang dibuat di Persidangan Sedunia Keempat Wanita di Beijing pada tahun 1995 seperti yang terkandung dalam dokumen Landasan Tindakan bagi memajukan wanita ke tahun 2000 iaitu:

*"Pewujudan sebuah kementerian yang lengkap menggambarkan komitmen kerajaan yang tinggi untuk meningkatkan martabat wanita di negara ini."*

Berdasarkan kepada manifestasi tersebut, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan penubuhan Kementerian Hal Ehwal Wanita pada 17 Januari 2001. Fungsi kementerian kemudiannya telah diperluas dan dinamakan sebagai Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga mulai 15 Februari 2001. Sehubungan itu, Jabatan Hal Ehwal Wanita dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara telah diletakkan di bawah kementerian ini. Melalui penstrukturan semula, Jabatan Hal Ehwal Wanita kemudiannya dikenali sebagai Jabatan Pembangunan Wanita.

Selepas Pilihan Raya Umum Kesebelas pada bulan Mac 2004, fungsi dan tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga telah diperluaskan lagi. Pada 27 Mac 2004, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah dibubarkan dan fungsi kementerian tersebut seterusnya dipindahkan

ke Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Selaras dengan perkara ini, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga kemudiannya telah ditukar kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.


Melalui penstrukturan baru ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan hala tuju 4 buah agensi iaitu:

- Jabatan Pembangunan Wanita;
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia;
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara; dan
- Institut Sosial Malaysia.

Kementerian ini seterusnya diberi mandat untuk menubuhkan Institut Pengupayaan Wanita bagi Anggota NAM secara rasmi mulai 1 Julai 2006. Institut ini berperanan untuk melaksanakan latihan pengupayaan kepada wanita dalam kalangan negara-negara anggota Pergerakan Negara Berkecuali.

Pada masa ini, KPWKM diterajui oleh YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim dan dibantu oleh YB Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun selaku Timbalan Menteri.

Carta Organisasi



## **Fungsi Dan Peranan**

Sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab untuk membentuk masyarakat sejahtera melalui perkongsian tanggungjawab yang strategik dan penyampaian perkhidmatan pembangunan sosial yang cekap serta berkesan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berperanan dalam:

1. meningkatkan penyertaan dan peranan aktif wanita, keluarga dan masyarakat sebagai penyumbang dan penerima faedah pembangunan negara;
2. memelihara hak-hak kepentingan wanita, keluarga dan masyarakat dengan adil dan saksama tanpa sebarang unsur diskriminasi;
3. memperluaskan peluang yang saksama kepada wanita dan masyarakat dalam bidang sosial, ekonomi dan politik;
4. memantapkan institusi keluarga; dan
5. memastikan sistem penyampaian dan sokongan yang cekap dan berkesan.

## **Punca Kuasa**

Punca kuasa bagi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan agensi-agensinya di bawahnya dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab ialah:

### **A. Dasar:**

1. Dasar Wanita Negara;
2. Dasar Keluarga Negara;
3. Dasar Kanak-Kanak Negara;
4. Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara;
5. Dasar Warga Emas Negara;
6. Dasar Orang Kurang Upaya;
7. Dasar Kebajikan Masyarakat Negara;
8. Dasar Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial Kebangsaan; dan
9. Dasar Sosial Negara.

### **B. Akta:**

1. Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521];
2. Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966 [Akta 352].
3. Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611];
4. Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308];
5. Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685];
6. Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506];
7. Akta Orang-Orang Papa 1977 [Akta 183];
8. Akta Lembaga Kaunselor 1998 [Akta 580]; dan
9. Akta Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat (Perbadanan) 1948 [Akta 529].

### **C. Konvensyen-Konvensyen Hak Asasi Manusia**

Konvensyen-konvensyen hak asasi manusia yang telah diratifikasi oleh Malaysia dan termasuk di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ialah:

- a. *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women (CEDAW)*;
- b. *Convention on the Rights of the Child (CRC)*; dan
- c. *Convention on the Rights of Persons with Disabilities (CRPD)*;

## **Stakeholders dan Pelanggan**

### **A. Stakeholders**

1. Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK);
2. Majlis Penasihat Wanita Negara;
3. Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia;
4. Persatuan Kebangsaan Usahawan Wanita Malaysia;
5. Majlis Penasihat dan Perundingan Kanak-kanak;
6. Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas;
7. *National Council of Senior Citizens Organisations Malaysia;*
8. Majlis Kebangsaan bagi OKU;
9. Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia;
10. Jentera pelaksanaan Dasar Sosial Negara NADI;
11. Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kawasan Parlimen;
12. Majlis Bersama Jabatan;
13. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu:
  - a. *Committee on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women (CEDAW);*
  - b. *Committee on the Rights of the Child (CRC);*
  - c. *The United Nations Children's Fund (UNICEF);*
  - d. *Committee on the Rights of Persons with Disabilities (CRPD);*
  - e. *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO);*  
dan
  - f. *United Nations Development Programme (UNDP).*
14. Pergerakan Negara-Negara Berkecuali;
15. Kerjasama Ekonomi Asia Pacific;
16. Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara;



17. Organisasi Perdagangan Dunia;
18. Pertubuhan Persidangan Islam; dan
19. Bank Dunia.

**B. Pelanggan**

1. Wanita;
2. Keluarga;
3. Kanak-kanak;
4. Warga emas;
5. Orang kurang upaya;
6. Mangsa bencana;
7. Orang papa; dan
8. Pertubuhan sukarelawan kebajikan.



## **BAB 2: ANALISA PERSEKITARAN DAN CABARAN SEMASA**

## **BAB 2: ANALISA PERSEKITARAN DAN CABARAN SEMASA**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) merupakan agensi yang dipertanggungjawabkan dalam menjamin kebajikan, pembangunan dan kesejahteraan masyarakat khususnya wanita, keluarga, kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) agar mereka lebih berdaya saing dan seterusnya dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Selaras dengan usaha kerajaan ke arah mewujudkan sebuah masyarakat yang progresif dan inklusif, terdapat beberapa isu dan cabaran kritikal yang dihadapi dalam merealisasikan aspirasi tersebut:

### **(i) Kekurangan kepakaran dalam bidang berkaitan kumpulan sasaran KPWKM**

KPWKM kekurangan pakar bidang khusus (*subject matter expert*) yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi serta berpengalaman luas dalam sesuatu bidang khusus berkaitan kumpulan sasaran kementerian. Antara penyumbang kepada perkara ini adalah pertukaran keluar dan masuk pegawai yang kerap bagi sesuatu *portfolio*.

### **(ii) Pertindihan bidang tugas dengan agensi-agensi lain yang melibatkan isu kumpulan sasaran KPWKM**

Skop tugas KPWKM yang terlalu luas iaitu meliputi segenap lapisan masyarakat (*from cradle to grave*) menyebabkan ada kalanya wujud *grey areas* dan pertindihan bidang tugas antara KPWKM dan agensi-agensi yang lain.

**(iii) Isu bersilang fungsi dengan agensi lain yang melibatkan kumpulan sasaran KPWKM**

Aspek pembangunan sosial yang melibatkan kumpulan sasaran KPWKM turut memerlukan komitmen dan penglibatan aktif daripada agensi-agensi lain (*cross cutting issues*) bagi mencapai visi dan misi KPWKM.

**(iv) Pewujudan sistem integrasi data berkaitan kumpulan sasaran**

Pada masa ini, KPWKM menghadapi kesukaran dalam mendapatkan data yang komprehensif mengenai bilangan dan taburan sebenar bagi sebilangan kumpulan sasaran terutamanya OKU dan ibu tunggal. Sehubungan itu, terdapat keperluan bagi mewujudkan sistem integrasi data antara KPWKM dengan agensi-agensi berkaitan bagi memudahkan perancangan dan pelaksanaan dasar dan program melibatkan kumpulan sasaran.

**(v) Keperluan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam kalangan pegawai dan kakitangan KPWKM**

Selaras dengan perkembangan teknologi semasa, semua warga KPWKM dan agensi di bawahnya perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang ICT supaya kualiti dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan dapat dipertingkatkan untuk manfaat kumpulan sasaran.



## **BAB 3: HALA TUJU STRATEGIK**

### **BAB 3: HALA TUJU STRATEGIK**

#### **Visi**

#### **Peneraju Kesaksamaan Gender, Pembangunan Keluarga dan Kesejahteraan Masyarakat Pada Tahun 2017**

Mengetuai usaha kerajaan memberi sokongan menghapuskan diskriminasi gender dalam memperjuangkan hak-hak lelaki dan wanita di pelbagai peringkat. Secara langsung, usaha yang dilakukan berdasarkan perasaan hormat kepada hak-hak kemanusiaan sejagat (*universal*) dan memberi peluang yang saksama kepada semua golongan ini boleh dilakukan dengan perubahan sikap, kelakuan, adat, undang-undang, institusi dan amalan di dalam masyarakat yang mana akan meningkatkan mutu dan seterusnya melahirkan keluarga yang ideal dan berkualiti.

#### **Misi**

#### **Memperkasakan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Secara Inklusif dan Saksama Melalui Inovasi Sosial dan Kebajikan Produktif**

Memberi peluang yang sama kepada wanita dalam pelbagai bidang yang bersesuaian. Memastikan kemudahan, peluang dan sokongan dalam menguatkan institusi kekeluargaan dilaksanakan bagi memastikan keluarga yang utuh seterusnya membina masyarakat yang stabil dan sejahtera.

#### **Moto**

“Kami Prihatin Kesejahteraan Anda”

**Nilai Bersama**

**K : Kerjasama berpasukan**

Bekerjasama dalam pasukan untuk mencapai visi dan misi KPWKM.

**P : Prihatin dan penyayang**

Mewujudkan budaya cakna (ambil berat) sesama warga KPWKM dan juga kumpulan sasaran.

**W : Wibawa dan profesional**

Menghayati dan mengamalkan profesionalisme meliputi komitmen yang tinggi, bertanggungjawab, gigih, berkemahiran, bijaksana, berintegriti, berdaya saing, tekun dan tabah dalam menjalankan tugas.

**K : Kreatif dan inovatif**

Sentiasa bersedia dan berusaha membuat perubahan dan pembaharuan bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dengan sumber yang optimum.

**M : Mengutamakan pelanggan**

Memenuhi dan mengutamakan kehendak pelanggan dengan bersedia menerima cadangan atau kritikan.

## Teras Strategik

1. Memperkasa wanita bagi meningkatkan sumbangan wanita dalam sosioekonomi;
2. Memperkukuh institusi keluarga bagi menghadapi cabaran kehidupan moden;
3. Menjamin keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak ke arah pembentukan negara bangsa gemilang;
4. Menyokong warga emas supaya terus berperanan aktif, produktif dan positif dalam masyarakat;
5. Mengintegrasikan orang kurang upaya ke dalam masyarakat bagi meningkatkan kemandirian;
6. Memperkasakan peranan komuniti dalam program pembangunan masyarakat bagi merapatkan jurang sosioekonomi;
7. Meningkatkan *visibility* komitmen Malaysia di peringkat antarabangsa; dan
8. Memperkasakan keupayaan dan kapasiti warga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kementerian.





# **TERAS STRATEGIK 1: MEMPERKASA WANITA BAGI MENINGKATKAN SUMBANGAN WANITA DALAM SOSIOEKONOMI**

**TERAS STRATEGIK 1: MEMPERKASA WANITA BAGI MENINGKATKAN SUMBANGAN WANITA DALAM SOSIOEKONOMI**

Teras strategik ini disediakan berpandukan kepada Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita yang bertujuan untuk menjamin pembangunan dan pengupayaan wanita di Malaysia. Usaha bersepadu kementerian dan agensi di bawahnya dapat membantu wanita mencapai potensi mereka sepenuhnya dalam perancangan dan pembangunan negara seterusnya mencapai usaha kesaksamaan gender di negara ini.

**STRATEGI 1**

Menghapuskan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita.

**OBJEKTIF KEPADA STRATEGI 1**

Memastikan dasar, peruntukan undang-undang dan prosedur tidak mendiskriminasikan wanita.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		BAHAGIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
Mengenal pasti / menggubal / meminda dasar / perundangan / prosedur yang mendiskriminasikan wanita.	Bilangan kertas cadangan yang disediakan.	Sekurang-kurangnya 2 kertas cadangan setahun.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sektor Strategik</li> <li>• Unit PUU</li> <li>• JPW</li> <li>• NIEW</li> </ul>
	Bilangan sesi konsultasi bersama <i>stakeholders</i> .	Sekurang-kurangnya 1 kali setahun.	

**STRATEGI 2**

Memperkasakan Ekonomi Wanita

**OBJEKTIF 1 KEPADA STRATEGI 2**

Meningkatkan kadar penyertaan wanita dalam pasaran buruh.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		BAHAGIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
Menyediakan dan menambah baik perkhidmatan sokongan yang membolehkan wanita menyertai dan kekal dalam pasaran buruh.	Bilangan taska baru yang dibuka.	Peningkatan sebanyak 200 buah taska baru yang berdaftar dengan JKM bagi tempoh setahun.	<ul style="list-style-type: none"> <li>JKM</li> </ul>
	Bilangan kertas cadangan inisiatif / program untuk menggalakkan wanita menyertai pasaran buruh disediakan.	Sekurang-kurangnya 1 kertas cadangan inisiatif / program disediakan bagi tempoh setahun.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sektor Strategik</li> </ul>
	Pelaksanaan <i>Flexible Working Arrangements</i> (FWA).	Peningkatan bilangan organisasi yang melaksanakan program FWA.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sektor Strategik</li> </ul>

**OBJEKTIF 2 KEPADA STRATEGI 2**

Meningkatkan bilangan wanita dalam bidang keusahawanan.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		BAHAGIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
Menyediakan program pembangunan usahawan, termasuk akses kepada kemudahan kewangan.	Bilangan penyertaan wanita dalam program pembangunan usahawan.	Sekurang-kurangnya 1,000 orang wanita terlibat dalam bidang keusahawanan pada setiap tahun.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• DMO</li> <li>• JPW</li> <li>• JKM</li> </ul>

**STRATEGI 3**

Menghapuskan segala bentuk keganasan terhadap wanita.

**OBJEKTIF KEPADA STRATEGI 3**

Mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat bagi menangani segala bentuk keganasan terhadap wanita.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		BAHAGIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
Memberi pendidikan mengenai kesan negatif keganasan terhadap wanita.	Bilangan penyertaan masyarakat dalam program literasi undang-undang.	Sekurang-kurangnya 2,000 orang anggota masyarakat menghadiri program literasi undang-undang.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPW</li> </ul>
	Bilangan program literasi undang-undang yang dilaksanakan.	Sekurang-kurangnya 1 program dilaksanakan di peringkat negeri setiap tahun.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPW</li> </ul>

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		BAHAGIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
	Bilangan program pengurusan emosi undang-undang yang dilaksanakan.	Sekurang-kurangnya 1 program dilaksanakan di peringkat negeri setiap tahun.	<ul style="list-style-type: none"> <li>JPW</li> </ul>
	Bilangan program kesedaran umum bagi menangani keganasan terhadap wanita.	Sekurang-kurangnya 1 program dilaksanakan di peringkat negeri setiap tahun.	<ul style="list-style-type: none"> <li>JPW</li> </ul>
	Bilangan penyertaan masyarakat dalam program kesedaran umum bagi menangani keganasan terhadap wanita.	Sekurang-kurangnya 300 orang anggota masyarakat menghadiri program kesedaran umum bagi menangani keganasan terhadap wanita.	<ul style="list-style-type: none"> <li>JPW</li> </ul>
	Bilangan panggilan ke Talian Nur.	Peningkatan bilangan panggilan ke Talian Nur bagi menangani kes keganasan terhadap wanita.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sektor Operasi</li> </ul>

**STRATEGI 4**

Meningkatkan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan.

**OBJEKTIF KEPADA STRATEGI 4**

Memastikan penyertaan sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		BAHAGIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
Melaksanakan program latihan bagi menyediakan wanita yang berpotensi untuk menyandang jawatan di peringkat pembuat keputusan.	Peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat.	Sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat pada penghujung tahun 2016.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• NIEW</li> </ul>
Melaksanakan program advokasi kepada kumpulan pengurusan tertinggi syarikat.			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sektor Strategik</li> <li>• NIEW</li> </ul>
Melaksanakan program kepekaan gender ke atas ketua-ketua perkhidmatan dan Lembaga Kenaikan Pangkat.	Peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam.	Mengekalkan sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sektor Strategik</li> <li>• NIEW</li> <li>• JPW</li> </ul>



**TERAS STRATEGIK 2:  
MEMPERKUKUH INSTITUSI KELUARGA BAGI  
MENGHADAPI CABARAN KEHIDUPAN MODEN**

**TERAS STRATEGIK 2: MEMPERKUKUH INSTITUSI KELUARGA BAGI MENGHADAPI CABARAN KEHIDUPAN MODEN**

Teras strategik ini disediakan sebagai panduan kepada usaha untuk memperkukuhkan institusi keluarga di Malaysia bagi menghadapi cabaran kehidupan moden di Malaysia. Perwujudan Dasar Keluarga Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Keluarga Negara bermatlamat untuk membangunkan dan mengukuhkan institusi kekeluargaan serta mempromosi konsep mengutamakan keluarga. Antara perkara yang diberi penekanan adalah memastikan inisiatif-inisiatif untuk mencapai keluarga yang sejahtera diambil kira dalam penyediaan semua dasar, undang-undang, program, perkhidmatan dan kemudahan.

Keluarga asas telah bertambah daripada 60 peratus pada tahun 1991 kepada 70 peratus pada tahun 2000. Ini bermakna, institusi keluarga semakin mengalami kehilangan sokongan sosial yang biasa terdapat dalam struktur keluarga luas seperti datuk, nenek mahupun sanak-saudara.

**STRATEGI 1**

Mengukuhkan institusi keluarga sebagai asas kestabilan sosial.

**OBJEKTIF KEPADA STRATEGI 1**

Mengukuhkan institusi perkahwinan.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		BAHAGIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
Mengkaji keberkesanan program pra perkahwinan sedia ada dan mencadangkan inisiatif penambahbaikan.	Kajian keberkesanan program.	1 kajian keberkesanan dilaksanakan pada tahun 2014.	<ul style="list-style-type: none"> <li>LPPKN</li> </ul>



**OBJEKTIF 2 KEPADA STRATEGI 1**

Memperkasa dan memantapkan institusi keluarga.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		BAHAGIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
Meningkatkan penyertaan peserta dalam program pembangunan keluarga.	Bilangan peserta yang menyertai program pembangunan keluarga.	Sekurang-kurangnya 150,000 orang peserta menyertai program pembangunan keluarga setiap tahun.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• LPPKN</li> </ul>
Menggalakkan majikan mengadakan Hari Keluarga.	Bilangan majikan yang mengadakan Hari Keluarga	Peningkatan sebanyak 5% majikan yang mengadakan Hari Keluarga setiap tahun.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• LPPKN</li> </ul>
Mahkamah Keluarga	Bilangan mahkamah di setiap negeri	Pencapaian sekurang-kurangnya 15 mahkamah di setiap negeri.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sektor Strategik</li> <li>• LPPKN</li> </ul>
Pusat Kaunseling Keluarga Setempat	Bilangan Pusat Kaunseling Keluarga Setempat di setiap negeri	Pencapaian sekurang-kurangnya 15 Pusat Kaunseling Keluarga di setiap negeri.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• LPPKN</li> </ul>

**STRATEGI 2**

Meningkatkan kesihatan reproduktif anggota keluarga.

**OBJEKTIF KEPADA STRATEGI 2**

Memastikan kesihatan reproduktif anggota keluarga terjamin.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		BAHAGIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
Meningkatkan perkhidmatan dan program kesihatan reproduktif.	Bilangan wanita yang menjalani saringan mamogram.	Sekurang-kurang 300,000 wanita menjalani saringan mamogram bagi tempoh 5 tahun.	<ul style="list-style-type: none"> <li>LPPKN</li> </ul>
	Bilangan remaja wanita yang menerima suntikan imunisasi HPV.	Sekurang-kurang 250,000 orang remaja wanita menerima 3 suntikan lengkap HPV bagi tempoh 5 tahun.	
	Bilangan peserta PLKN yang menjalani modul PEKERTI@PLKN.	Sekurang-kurang 400,000 pelatih PLKN menjalani modul PEKERTI@PLKN bagi tempoh 5 tahun.	

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		BAHAGIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
	Bilangan remaja yang mendaftar dengan Kafe@TEEN.	30,000 remaja berdaftar dengan Kafe@TEEN berbanding 16,855 orang sahaja bagi tempoh 2008 hingga 2012.	



**TERAS STRATEGIK 3:  
MENJAMIN KESELAMATAN DAN  
KESEJAHTERAAN KANAK-KANAK KE ARAH  
PEMBENTUKAN NEGARA BANGSA GEMILANG**

**TERAS STRATEGIK 3: MENJAMIN KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN KANAK-KANAK KE ARAH PEMBENTUKAN NEGARA BANGSA GEMILANG**

Penyediaan teras strategik ini adalah berdasarkan kepada matlamat kementerian bagi menyediakan sistem penjagaan dan perlindungan kanak-kanak yang efisien dan memenuhi keperluan semasa mereka. Bagi mencapai matlamat ini, program-program yang disediakan perlu selaras dengan Dasar dan Pelan Tindakan Kanak-kanak bagi menjamin pemuliharaan keselamatan dan kesejahteraan mereka sebagai generasi pewaris pada masa hadapan.

**STRATEGI 1**

Meningkatkan perlindungan terhadap kanak-kanak.

**OBJEKTIF KEPADA STRATEGI 1**

Memastikan kanak-kanak mendapat perlindungan selaras dengan obligasi negara di bawah *Convention on the Rights of the Child* (CRC)

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		BAHAGIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
Perlindungan kanak-kanak dalam dunia siber.	Pasukan Petugas Perlindungan Kanak-Kanak Dalam Dunia Siber.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pasukan Petugas Perlindungan Kanak-Kanak Dalam Dunia Siber diwujudkan pada tahun 2013.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sektor Strategik</li> </ul>
	Sesi konsultatif dengan pihak berkepentingan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sesi konsultatif dengan pihak berkepentingan diadakan pada tahun 2013.</li> </ul>	

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		BAHAGIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
	Pelan Tindakan Kebangsaan Perlindungan Kanak-Kanak Dalam Dunia Siber.	Pelan Tindakan Kebangsaan Perlindungan Kanak-Kanak Dalam Dunia Siber diwujudkan pada tahun 2014.	
Sistem saringan untuk individu yang berurusan dengan kanak-kanak.	Model sistem saringan.	Model sistem saringan diwujudkan pada tahun 2014.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sektor Strategik</li> </ul>
Menangani isu pembuangan bayi.	Pelan Tindakan Bagi Menangani Isu Pembuangan Bayi.	Pelan Tindakan Bagi Menangani Isu Pembuangan Bayi diwujudkan pada tahun 2014.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• DSN</li> </ul>
Mewujud dan melaksanakan sistem <i>Star Rating</i> bagi TASKA dan institusi-institusi yang berkaitan dengan kanak-kanak OKU.	Sistem <i>Star Rating</i> .	Pewujudan sistem <i>Star Rating</i> Taska pada tahun 2015.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sektor Strategik</li> </ul>

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		BAHAGIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
Meminda Akta Kanak-Kanak 2001 selaras dengan perkembangan semasa.	Pindaan Akta.	Pindaan Akta Kanak-Kanak menjelang tahun 2015.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sektor Strategik</li> <li>• JKM</li> </ul>

**STRATEGI 2**

Memperkukuhkan program pembangunan awal kanak-kanak.

**OBJEKTIF KEPADA STRATEGI 2**

Memastikan kanak-kanak mendapat pengasuhan dan pendidikan awal yang berkualiti.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		BAHAGIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
Memantapkan program pendidikan awal kanak-kanak.	TASKA OKU.	6 buah TASKA OKU beroperasi selewat-lewatnya pada tahun 2015.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPOKU</li> </ul>
Memantapkan kurikulum asuhan kanak-kanak.	Kurikulum baru menggantikan Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak.	Penggunaan Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA untuk melatih pengasuh dan pengusaha TASKA mulai tahun 2013.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JKM</li> </ul>



**TERAS STRATEGIK 4:  
MENYOKONG WARGA EMAS SUPAYA TERUS  
BERPERANAN AKTIF, PRODUKTIF DAN POSITIF  
DALAM MASYARAKAT**



**TERAS STRATEGIK 4: MENYOKONG WARGA EMAS SUPAYA TERUS BERPERANAN AKTIF, PRODUKTIF DAN POSITIF DALAM MASYARAKAT**

Peranan warga emas dalam masyarakat adalah penting bagi memastikan mereka terus aktif, produktif dan positif dalam masyarakat. Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara digubal bagi mewujudkan warga emas yang sejahtera, bermaruah dan mempunyai martabat diri yang tinggi. Potensi diri warga emas perlu digilap bagi membolehkan mereka menikmati semua peluang, penjagaan dan perlindungan sebagai ahli keluarga dan anggota masyarakat.

**STRATEGI 1**

Memperkukuhkan perkhidmatan sokongan kesihatan kepada warga emas.

**OBJEKTIF KEPADA STRATEGI 1**

Memastikan kesihatan warga emas terpelihara.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		BAHAGIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
Meningkatkan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan warga emas	Program <i>Home Help</i> .	Peningkatan 5% warga emas yang mendapat perkhidmatan <i>Home Help</i> setiap tahun.	<ul style="list-style-type: none"> <li>JKM</li> </ul>
Meningkatkan kemudahan kepada warga emas	Unit Penyayang Warga Emas	Peningkatan sebanyak 5% bilangan warga emas yang mendapat perkhidmatan Unit Penyayang Warga Emas.	<ul style="list-style-type: none"> <li>JKM</li> </ul>

**STRATEGI 2**

Memperkuhkan sistem sosial untuk warga emas.

**OBJEKTIF KEPADA STRATEGI 2**

Memastikan warga emas mengamalkan gaya hidup aktif.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		BAHAGIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
Meluaskan jangkauan program Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE).	PAWE.	Sebanyak 46 PAWE baru diwujudkan menjelang tahun 2017.	<ul style="list-style-type: none"> <li>JKM</li> </ul>
Perluasan program Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE).	Bilangan warga emas yang terlibat dalam program PAWE.	Peningkatan 5% warga emas yang menyertai program PAWE setiap tahun.	<ul style="list-style-type: none"> <li>JKM</li> </ul>



**TERAS STRATEGIK 5:  
MENGINTEGRASI ORANG KURANG UPAYA (OKU)  
KE DALAM MASYARAKAT BAGI MENINGKATKAN  
KEMANDIRIAN**

**TERAS STRATEGIK 5: MENINGTEGRASI ORANG KURANG UPAYA (OKU) KE DALAM MASYARAKAT BAGI MENINGKATKAN KEMANDIRIAN**

OKU merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat yang mempunyai hak seperti anggota masyarakat lain yang berupaya. Hak-hak tersebut merangkumi hak sivil, politik, ekonomi dan sosiobudaya. Teras strategik ini memperincikan usaha kementerian dan agensi di bawahnya selaras dengan usaha untuk mengintegrasikan mereka ke dalam masyarakat bagi meningkatkan kemandirian.

**STRATEGI 1**

Memperkasa mekanisme pengumpulan data OKU.

**OBJEKTIF KEPADA STRATEGI 1**

Meningkatkan bilangan OKU yang berdaftar.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		BAHAGIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
Memperluaskan jangkauan inisiatif pendaftaran OKU.	Bilangan OKU yang berdaftar dengan SMOKU.	Peningkatan 5% OKU yang berdaftar dengan SMOKU setiap tahun.	<ul style="list-style-type: none"> <li>JPOKU</li> </ul>

**STRATEGI 2**

Memperkasakan ekonomi OKU.

**OBJEKTIF KEPADA STRATEGI 2**

Meningkatkan penyertaan OKU dalam sektor pekerjaan.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		BAHAGIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
Memastikan Dasar 1% OKU dalam Sektor Awam dilaksanakan.	Bilangan OKU yang bekerja.	1% daripada tenaga kerja di setiap kementerian adalah OKU menjelang tahun 2017.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sektor Strategik</li> <li>• JPOKU</li> </ul>
Program <i>Training of Trainers</i> (TOT) bagi <i>Job Coach</i> .	Bilangan <i>Job Coach</i> yang dilatih.	Peningkatan 50 orang <i>Job Coach</i> yang dilatih setiap tahun.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPOKU</li> <li>• ISM</li> </ul>
Program Keusahawanan OKU.	Bilangan usahawan OKU yang menerima geran / pinjaman.	Peningkatan 30 orang usahawan OKU setiap tahun.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• DMO</li> <li>• JPOKU / EB</li> </ul>

**STRATEGI 3**

Meningkatkan aksesibiliti OKU kepada kemudahan awam.

**OBJEKTIF KEPADA STRATEGI 3**

Memastikan OKU mendapat persekitaran yang mesra OKU.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		BAHAGIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
Melaksanakan Program Audit Akses	Bilangan Audit Akses.	3 Audit Akses dilaksanakan setiap tahun.	<ul style="list-style-type: none"> <li>JPOKU</li> </ul>



**TERAS STRATEGIK 6:  
MEMPERKASAKAN PERANAN KOMUNITI DALAM  
PROGRAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT BAGI  
MERAPATKAN JURANG SOSIO EKONOMI**

**TERAS STRATEGIK 6: MEMPERKASAKAN PERANAN KOMUNITI DALAM PROGRAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT BAGI MERAPATKAN JURANG SOSIO EKONOMI**

Komuniti memainkan peranan penting dalam usaha untuk melaksanakan program pembangunan masyarakat dan seterusnya membantu untuk merapatkan jurang sosioekonomi rakyat di negara ini. Teras ini menggariskan tindakan dan program yang akan dilaksanakan oleh kementerian dan agensi di bawahnya selaras dengan pelbagai program pembangunan ekonomi masyarakat. Selain itu, tumpuan turut diberikan untuk menggalakkan dan memberi dorongan kepada komuniti tempatan supaya lebih bertanggungjawab, bersatu padu dan bekerjasama bagi memenuhi keperluan golongan masyarakat tertentu ke arah kesejahteraan dan pembangunan masyarakat.

**STRATEGI 1**

Memperkasakan ekonomi golongan berpendapatan rendah.

**OBJEKTIF 1 KEPADA STRATEGI 1**

Memperluaskan pendekatan *Productive Welfare* bagi meningkatkan pendapatan golongan yang berpendapatan rendah.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		BAHAGIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
Program 1AZAM.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bilangan peserta.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>39,000 peserta (2013).</li> <li>31,000 peserta (2014).</li> <li>30,000 peserta (2015).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>NKRA</li> <li>JKM</li> <li>JPW</li> </ul>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peningkatan pendapatan peserta melebihi RM300 sebulan (tempoh pengekalan pendapatan 3 bulan berturut).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>11,700 peserta (2013).</li> <li>9,300 (2014).</li> <li>9,000 (2015).</li> </ul>	



**STRATEGI 2**

Memperkasakan perkhidmatan pekerja sosial.

**OBJEKTIF 1 KEPADA STRATEGI 2**

Meningkatkan kualiti perkhidmatan sosial kepada kumpulan sasaran.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		BAHAGIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
Menggubal Akta Pekerja Sosial selaras dengan perkembangan semasa.	Penggubalan Akta	Penggubalan Akta Pekerja Sosial menjelang tahun 2015.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sektor Strategik</li> <li>• JKM</li> </ul>



**TERAS STRATEGIK 7:  
MENINGKATKAN *VISIBILITY* KOMITMEN  
MALAYSIA DI PERINGKAT ANTARABANGSA**

**TERAS STRATEGIK 7: MENINGKATKAN *VISIBILITY* KOMITMEN MALAYSIA DI PERINGKAT ANTARABANGSA**

Kementerian sentiasa memastikan usaha-usaha untuk meningkatkan kesejahteraan sosial kumpulan sasaran mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Sehubungan itu, teras strategik ini menggariskan program dan tindakan yang dapat mempromosi usaha dan komitmen kerajaan ke arah kesejahteraan sosial kumpulan sasaran kementerian di peringkat antarabangsa. Melalui penglibatan Malaysia dalam memperjuangkan isu-isu sosial kumpulan sasaran di peringkat antarabangsa, ia dapat membantu untuk meningkatkan *visibility* komitmen Malaysia di peringkat antarabangsa.

**STRATEGI**

Memenuhi obligasi negara di bawah Konvensyen-Konvensyen Hak Asasi Manusia yang telah diratifikasi oleh Malaysia (di bawah bidang kuasa KPWK).

**OBJEKTIF KEPADA STRATEGI**

Pelaksanaan obligasi negara di bawah Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) dan Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD).

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		BAHAGIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
Menyediakan laporan negara ke atas komitmen konvensyen PBB	Laporan negara	Penyediaan laporan negara ketiga, keempat dan kelima CEDAW pada tahun 2014.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sektor Strategik</li> <li>• JPW</li> </ul>
		Penyediaan laporan negara kedua, ketiga dan keempat CRC pada tahun 2014.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sektor Strategik</li> <li>• JKM</li> </ul>
		Penyediaan laporan negara pertama CRPD pada tahun 2014.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sektor Strategik</li> <li>• JPOKU</li> </ul>



**TERAS STRATEGIK 8:  
MEMPERKASAKAN KEUPAYAAN DAN KAPASITI  
WARGA KPWKM BAGI MENINGKATKAN  
KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN SISTEM  
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KEMENTERIAN**

**TERAS STRATEGIK 8: MEMPERKASAKAN KEUPAYAAN DAN KAPASITI WARGA KPWKM BAGI MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KEMENTERIAN**

Keupayaan dan kapasiti warga kementerian dan agensi menjadi aset utama dalam meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kementerian. Teras strategik ini menggariskan program dan tindakan yang dapat memperkasakan keupayaan dan kapasiti pegawai dan kakitangan melalui penyediaan sistem penilaian serta kemudahan teknologi maklumat dalam kalangan warga kementerian. Program dan tindakan yang digariskan dapat membantu meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan bagi mencapai jangkauan *stakeholders* dan pelanggan.

**STRATEGI**

Meningkatkan nilai integriti di kalangan pegawai dan kakitangan KPWKM.

**OBJEKTIF 1 KEPADA STRATEGI**

Peningkatan integriti dengan penghapusan ruang dan peluang untuk rasuah.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
(a) Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN).	Poin yang diterima terhadap 5 Instrumen Nilai yang diaudit.	Sekurang-kurangnya 70% bagi Indeks Nilai Keseluruhan Bagi Kajian Audit Nilai Kementerian	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sektor Operasi</li> </ul>
(b) Program Bersama SPRM / IIM.	Peratusan penglibatan pegawai dan kakitangan dalam program.	100% warga KPWKM mempunyai kesedaran tentang jenayah rasuah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sektor Operasi</li> </ul>

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
(c) Program Penerapan Nilai Bersama KPWKM.	Peratusan anggota KPWKM terlibat setiap tahun.	100% anggota terlibat untuk tempoh 5 tahun.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sektor Operasi</li> </ul>
(d) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun.	Mesyuarat diadakan setiap suku tahun.	20 kali mesyuarat bagi tempoh 5 tahun.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sektor Operasi</li> </ul>
(e) Jawatankuasa Keutuhan dan Tadbir Urus.	Mesyuarat diadakan setiap 4 bulan.	15 kali mesyuarat bagi tempoh 5 tahun.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sektor Operasi</li> </ul>
(f) Laporan Audit Negara.	Tempoh tindakan susulan diambil oleh agensi ke atas laporan.	Sebulan dari tempoh laporan / maklum balas diterima oleh agensi.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sektor Operasi</li> </ul>
(g) Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT.	Mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya 4 kali setahun.	20 kali mesyuarat bagi tempoh 5 tahun.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sektor Operasi</li> </ul>

**OBJEKTIF 2 KEPADA STRATEGI**

Penyampaian perkhidmatan Kementerian yang kreatif dan inovatif.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
(a) Konvensyen KIK KPWKM.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1 kali setahun di peringkat Kementerian/ Jabatan.</li> <li>• Projek KIK KPWKM dicalonkan dalam AIPM dan AISA.</li> </ul>	5 kali untuk tempoh 5 tahun.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sektor Operasi</li> </ul>
(b) Persijilan Standard Perkhidmatan ISO:9001.	Persijilan untuk semua perkhidmatan teras.	Mengekalkan persijilan setiap tahun.	
(c) Pelaksanaan Aplikasi ICT dalam penyampaian perkhidmatan: <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ MyMesyuarat;</li> <li>➤ SMOKU;</li> <li>➤ e-Bantuan;</li> <li>➤ SPDIIS;</li> <li>➤ ILMU;</li> <li>➤ Talian Nur;</li> </ul>	Memaksimumkan penggunaan ICT.	Semua perkhidmatan menggunakan aplikasi ICT.	

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ eJKM; dan</li> <li>➤ PDKNet.</li> </ul>			
(d) Program merisik khabar KPWKM.	Merangkumi 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan.	Merangkumi 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan setahun sepanjang 5 tahun.	
(e) Pensijilan ISMS MS: ISO / IEC 27001 : 2007 <i>Information Security Management System</i> (ISMS).	Persijilan bagi skop yang telah dikenal pasti.	Mengekalkan persijilan setiap tahun.	

**OBJEKTIF 3 KEPADA STRATEGI**

Peningkatan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan program dan projek.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
(a) Melaksanakan kajian impak kepada program berdasarkan OBB.	Bilangan program dan projek berimpak tinggi dibuat kajian impak.	Sekurang-kurangnya 1 program dan projek berimpak tinggi dibuat kajian impak.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPWKM</li> </ul>



PROGRAM / TINDAKAN	KPI		BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
(b) Meningkatkan platform untuk menyampaikan perkhidmatan.	Bilangan saluran perkhidmatan.	Sepanjang tempoh 5 tahun.	
(c) Mengemas kini prosedur, proses dan sistem kerja.	Prosedur atau program yang perlu dikaji semula.	Sepanjang tempoh 5 tahun.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sektor Operasi</li> </ul>
(d) Memperluaskan <i>smart / strategic partnership</i> dengan agensi-agensi / pihak swasta/NGO.	Bilangan program-program yang berimpak tinggi.	Sepanjang tempoh 5 tahun.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sektor Operasi</li> </ul>

**OBJEKTIF 4 KEPADA STRATEGI**

Peningkatan keupayaan dan kompetensi warga kementerian dan modal insan yang berdaya saing dan produktif.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
(a) Meningkatkan kompetensi pegawai-pegawai melalui latihan dan pendedahan dalam bidang berkaitan teras strategik KPWK.	Bilangan hari berkursus warga KPWK.	Sekurang-kurangnya 7 hari setahun kehadiran kursus.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sektor Operasi</li> </ul>

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
(b) Program pembangunan sahsiah dan bina insan.	Bilangan penganjuran program team-building untuk warga KPWK.	Sekurang-kurangnya 1 kali team building untuk setiap kumpulan perkhidmatan.	
(c) Program kemahiran penggunaan aplikasi ICT dalam sistem penyampaian perkhidmatan.	Bilangan penganjuran kursus-kursus berkaitan ICT kepada warga KPWK.	Sekurang-kurangnya 1 kali kursus berkaitan ICT kepada Kumpulan Sokongan.	
(d) Kajian Semula Struktur dan Fungsi Organisasi.	Bilangan kajian semula struktur dan fungsi organisasi.	Sekurang-kurangnya 1 kali kajian dalam tempoh 2 tahun.	
(e) Mengemaskini Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja.	Prosedur atau program yang perlu dikaji semula.	Sepanjang tempoh 5 tahun.	



## **BAB 4: PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN**

## **BAB 4: PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN**

### **Elemen Penentu Kejayaan**

Bagi menentukan falsafah kejayaan, KPWKM menggariskan beberapa elemen yang akan dilaksanakan, antaranya:

**(i) Kepimpinan berwawasan**

Kepimpinan berwawasan merupakan penentu utama kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik KPWKM. Pengurusan atasan KPWKM perlu menunjukkan kepimpinan berwawasan bagi menjayakan perancangan strategik ini.

**(ii) Peruntukan kewangan**

Peruntukan kewangan yang cukup dapat memastikan program / aktiviti dilaksanakan dengan berkesan.

**(iii) Modal insan yang kompeten**

Pegawai dan kakitangan yang kompeten merupakan faktor penentu Pelan Strategik dapat dilaksanakan dengan berkesan. Justeru, tumpuan akan diberikan kepada peningkatan ilmu dan kepakaran modal insan melalui program pembangunan kompetensi yang sesuai dalam bidang-bidang kritikal dan strategik. Pendekatan *mentor-mentee*, *coaching* dan pengurusan pembangunan kerjaya akan turut dilaksanakan bagi meningkatkan kompetensi pegawai dan kakitangan KPWKM.

**(iv) Kolaborasi bersama rakan strategik**

Sokongan rakan strategik membantu keberkesanan pelaksanaan Pelan Strategik KPWKM.

**(v) Pengupayaan dan pemeraksanaan ICT**

Pengupayaan dan pemeraksanaan ICT adalah diperlukan bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan kerja.

## **Mekanisme Pelaksanaan**

Pelan Perancangan Strategik KPWKM tahun 2013 hingga 2017 merupakan tahap perancangan yang tertinggi KPWKM. Berdasarkan kepada tindakan / program yang ditetapkan, ketua bahagian dan ketua jabatan di peringkat pusat dan negeri, malah di daerah, hendaklah mengambil tindakan melaksanakan program-program / aktiviti-aktiviti tersebut mengikut tempoh yang telah diputuskan.

Semua ketua bahagian dan ketua jabatan perlu memastikan perancangan strategik di bahagian dan jabatan masing-masing adalah berdasarkan Pelan Strategik 2013 – 2017. Semua ketua bahagian dan ketua jabatan perlu terlibat dalam pemantauan dan penilaian program / aktiviti di peringkat bahagian dan jabatan masing-masing.

Selain itu, ketua bahagian dan ketua jabatan juga perlu dikehendaki menyediakan anggaran peruntukan belanja mengurus dan pembangunan masing-masing berasaskan kepada keperluan bagi menjayakan pelan tindakan yang telah ditetapkan.

### **Kaedah Pemantauan Pelaksanaan**

1. KPWK akan melaksanakan kesedaran pengurusan strategik melalui laman web secara berkala, seminar dan juga mesyuarat pengurusan tertinggi KPWK.
2. Status pencapaian pelaksanaan pelan strategik akan disalurkan dan dihebahkan melalui portal khas pelan strategik KPWK.
3. KPWK akan memastikan setiap jabatan / bahagian membangunkan sasaran kerja tahunan bahagian / jabatan sejajar dengan Pelan Strategik KPWK sebagai panduan pelaksanaan program bahagian-bahagian.

### **Pemantauan dan Pengukuran Prestasi**

1. Jawatankuasa Pengurusan Strategik KPWK yang dipengerusikan oleh KSU yang akan bersidang setiap setahun.
2. Pencapaian bagi setiap program akan dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pengurusan Strategik KPWK.
3. Laporan pencapaian setiap program di bawah strategi-strategi akan diberi perhatian dalam mesyuarat di kedua-dua peringkat berkenaan.
4. Jawatankuasa Kerja akan memberi perhatian kepada program yang signifikan kepada pencapaian strategi untuk melaksanakan kajian impak mengikut keutamaan.
5. Peranan ketua bahagian / agensi dalam memantau keberkesanan pelaksanaan program.

### **Penilaian dan Semakan Semula**

1. Bagi program yang tidak mencapai sasaran, jawatankuasa kerja akan membentuk pasukan petugas bagi memastikan mencapai sasaran seperti ditetapkan.
2. Jawatankuasa pengurusan pelan strategik akan melaksanakan kajian semula pelan strategik pada 2015 bagi menyelaraskan hala tuju, strategik KPWK bersesuaian dengan cabaran dan keperluan semasa



### ***The Way Forward***

Pelan Strategik KPWK merupakan pelan yang akan menetapkan hala tuju kementerian untuk tempoh 5 tahun akan datang. Pelan strategik ini mendukung aspirasi Gagasan 1Malaysia, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" dalam menerajui agenda pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat. Kumpulan sasar KPWK termasuklah golongan wanita, kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya. Penyediaan perkhidmatan kepada kumpulan sasar yang pelbagai ini bukan sahaja memerlukan sumber-sumber tetapi juga daya kreatif penggubal dasar. Justeru, inovasi telah diambil kira dalam penyediaan perkhidmatan kepada kumpulan sasar kementerian.

Pendekatan yang digunakan bagi kumpulan sasar yang pelbagai ini adalah berasaskan konsep *productive welfare*. Peluang menjalani hidup secara berdikari menerusi ruang dan peluang yang disediakan adalah lebih baik dari pemberian bantuan secara berkala. Pendekatan ini perlu diteruskan pada masa akan datang setelah penilaian program-program ini dibuat.

Pelan strategik ini menggariskan pelan tindakan serta mekanisme pemantauan kepada pihak pengurusan melalui penetapan sasaran pencapaian dan petunjuk prestasi yang jelas dan boleh diukur oleh pihak pengurusan atasan dan *stakeholders* KPWK. Dalam merealisasikan matlamat-matlamat yang ditetapkan, jaringan kerjasama strategik bersama agensi-agensi lain, sektor korporat serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan adalah antara strategi yang telah dikenal pasti oleh KPWK. Jalinan kerjasama ini perlu dipertingkatkan pada masa depan sejajar dengan perubahan persekitaran. Kolaborasi yang berterusan akan dilaksanakan bagi memastikan input semua pihak telah diberikan perhatian yang sewajarnya.

Menerusi pelaksanaan pelan strategik ini, KPWK akan terus menerajui dan memperjuangkan agenda pemerkasaan wanita dan pengupayaan keluarga dan masyarakat dalam mendukung matlamat Malaysia mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.



## **BAB 5: PENUTUP**

## **BAB 5: PENUTUP**

Perubahan persekitaran, peningkatan dalam persaingan kepelbagaian dalam kehendak pelanggan dan sebagainya telah menuntut perubahan kepada cara warga KPWKM bekerja.

Penghayatan dan amalan nilai dan ciri-ciri budaya kerja cemerlang akan dapat meningkatkan imej jabatan keseluruhannya di samping meningkatkan kualiti dan keupayaan modal insan yang seterusnya memastikan jabatan memberi perkhidmatan yang lebih berkualiti memuaskan hati dan kehendak pelanggan.

Adalah diharapkan agar Pelan Strategik KWPKM 2013 - 2017 ini dapat dihayati dan diterjemahkan melalui tindakan oleh seluruh warga KPWKM.